

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' WIRA MOHD ANUAR BIN MOHD TAHIR**  
**KAWASAN : TEMERLOH**  
**TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 17**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan:

- a) kemajuan pembinaan lebuhraya-lebuhraya diseluruh Malaysia; dan
- b) tarikh-tarikh sebenar penyiapan lebuhraya-lebuhraya tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat enam lebuhraya dalam pembinaan dan berikut merupakan status kemajuan projek sehingga 30 September 2020 iaitu:

- 1) Projek Lebuhraya Pantai Barat atau WCE di mana status kemajuan projek adalah 68.99%.
- 2) Projek Lebuhraya Setiawangsa Pantai atau SPE di mana status kemajuan projek adalah 75.30%.
- 3) Projek Lebuhraya Lembah Klang Timur atau EKVE di mana status kemajuan projek adalah 77.20%.
- 4) Projek Lebuhraya Putrajaya KLIA atau MEX2 di mana status kemajuan projek adalah 88.79%.
- 5) Projek Lebuhraya Bertingkat Damansara Shah Alam atau DASH di mana status kemajuan projek adalah 86.66%.
- 6) Projek Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi Ulu Kelang atau SUKE di mana status kemajuan adalah 83.32%.

Tuan Yang Di-Pertua,

b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung tarikh-tarikh sebenar penyiapan lebuhraya-lebuhraya tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Projek Lebuhraya Pantai Barat atau WCE dijangka siap mengikut seksyen seperti berikut:

- (i) **Seksyen 1** iaitu dari Persimpangan Banting ke Persimpangan Lebuhraya SKVE dijangka siap pada 29 Disember 2021;
- (ii) **Seksyen 2** dari Persimpangan SKVE ke Persimpangan Lebuhraya KESAS pada 11 Mei 2022;
- (iii) **Seksyen 3** dari Persimpangan Leburaya KESAS ke Persimpangan NKVE/Lebuhraya Persekutuan pada 17 Februari 2022;
- (iv) **Seksyen 4** dari Persimpangan NKVE/Lebuhraya Persekutuan ke Persimpangan New North Klang Straits Bypass (Leburaya SHAHPADU) pada 12 Julai 2019,
- (v) **Seksyen 6** bermula dari Persimpangan Kapar ke Persimpangan Assam Jawa pada 18 April 2022,
- (vi) **Seksyen 7** dari Persimpangan Assam Jawa ke Persimpangan Tanjung Karang pada 16 Jun 2024; dan
- (vii) **Seksyen 11** bermula Dari Persimpangan Beruas hingga ke Persimpangan Taiping Selatan pada 13 Ogos 2021.

Permohonan bagi *Extension of Time* (EOT) telah pun dikemukakan oleh pihak syarikat konsesi dan permohonan tersebut sedang diproses di peringkat Kementerian akibat daripada pandemik Covid-19. Lebuhraya WCE dijangka siap secara keseluruhan pada tarikh 16 Jun 2024 sebelum EOT diluluskan.

- 2) Projek Lebuhraya Setiawangsa Pantai atau SPE dijangka siap pada 17 November 2020.
- 3) Projek Lebuhraya Lembah Klang Timur atau EKVE dijangka siap pada 25 November 2020.

- 4) Projek Lebuhraya Putrajaya KLIA atau MEX2 dijangka siap pada 04 September 2021.
- 5) Projek Lebuhraya Bertingkat Damansara Shah Alam atau DASH dijangka siap pada 24 Disember 2021; dan
- 6) Projek Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi Ulu Kelang atau SUKE dijangka siap pada 14 November 2021.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk Seksyen 4 Lebuh Raya Pantai Barat, akan diselaraskan penyiapannya bersekali dengan seksyen 3.

Sekian, terima kasih.